

**KAJIAN INSURANS TAKAFUL DI
KOTA KINABALU, SABAH.**

FAIRUS EZLIN SHAHBUDIN

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PROGRAM MATEMATIK DENGAN EKONOMI
SEKOLAH SAINS DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2007



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: KAJIAN INSURANS TAKAFUL DI KOTA KINABALY,
SABAH

Ijazah: SARJANA MUDA SAINS DGN KEPYJIAN (MATEMATIK DGN EKONOMI)

SESI PENGAJIAN: 2003/2004

Saya _____

(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (LPS/Sarjana/Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (/)

SULIT

TERHAD

TIDAK TERHAD


PERPUSTAKAAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)


Disahkan oleh



(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

SURIANI HASSAN

Nama Penyelia


(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: PT 1053, KAMPONG
JELUTONG TAMBAHAN,

44100 KALUMPANG, SELANGOR

Tarikh: 24/4/07

Tarikh: _____

CATATAN: * Potong yang tidak berkenaan.

** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.


@ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).



PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah dijelaskan sumbernya.

27 April 2007



FAIRUS EZLIN SHAHBUDIN

HS 2003-3070




DIPERAKUKAN OLEH

Tandatangan


1. **PENYELIA**
(Suriani Hassan)



2. **PEMERIKSA**
(Dr. Aini Janteng)



3. **DEKAN**
(SUPT/KS Prof. Madya Dr. Shariff A. K. Omang)





PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurniaNya, kajian ini dapat dilaksanakan dan berjaya disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya yang telah banyak memberi sokongan moral dan juga bantuan kewangan sepanjang menjalankan kajian ini.

Di samping itu, ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada penyelia saya, Cik Suriani Hassan yang banyak membantu dalam proses menyiapkan kajian ini. Seterusnya, ucapan yang sama ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Amran Ahmed yang juga telah membantu dalam kajian ini. Tidak lupa juga rakan-rakan seperjuangan yang membantu dari segi sokongan moral bagi menyiapkan kajian ini.

Kepada sesiapa sahaja yang tidak dapat dinyatakan namanya di sini, kerjasama dan budi baik anda tidak akan dilupakan. Akhir kata, terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan. Sekian.



ABSTRAK

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji hubungan antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah tak bersandar dalam kajian insurans takaful di Kota Kinabalu, Sabah. Pembolehubah bersandar dalam kajian ini ialah jumlah permohonan insurans takaful (JP). Manakala pembolehubah tak bersandar ialah produk takaful am (TA) dan produk takaful keluarga (TK). Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menghasilkan model regresi linear berganda yang dapat memperihalkan hubungan antara pembolehubah-pembolehubah tersebut. Data kajian diperoleh dari syarikat insurans takaful cawangan Kota Kinabalu, Sabah di mana data dicerap dalam tempoh 12 bulan dari tahun 2000 hingga 2006. Kaedah analisis korelasi dan analisis regresi linear berganda telah digunakan dalam mengkaji perhubungan dan tingkah laku pembolehubah. Hasilnya, terdapat korelasi yang bererti bagi gabungan antara TA dan TK terhadap JP. Tambahan pula, model regresi linear berganda terbaik telah dapat dihasilkan.



ABSTRACT

The purpose of this study is to investigate how the relationship between the dependent variable and the independent variables. The dependent variable is the total of demand of Takaful insurance (JP), where the independent variables are general Takaful product (TA) and family Takaful product (TK). Beside that, this study is also wanted to provide the multiple linear regressions model where the relationship between the variables can be shown and how it influenced to each others. The observed data was taken from year 2000 until 2006 monthly in Kota Kinabalu, Sabah. The correlation analysis was used to find the relationship between the variables while the multiple linear regressions were used to model the relationship. At the end, the result showed that there is a linear and significant relationship between the variables. So, the model of multiple linear regressions can be represented.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SIMBOL	xii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Definisi Insurans	2
1.2.1 Fungsi Insurans	3
1.3 Sejarah Perkembangan Insurans di Malaysia	4
1.4 Sejarah Perkembangan Takaful di Malaysia	6
1.4.1 Definisi Takaful	9
1.4.2 Konsep Takaful	9
1.4.3 Kelebihan Takaful	10
1.5 Objektif Kajian	11
1.6 Skop Kajian	11
BAB 2 ULASAN LITERATUR	12
2.1 Pengenalan	12
2.2 Insurans	12
2.3 Kajian-Kajian Lepas	15
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	21
3.1 Pengenalan	21
3.2 Kaedah Kajian	22



3.3	Data	22
3.4	Tafsiran Pembolehubah	22
3.5	Kaedah Analisis	23
3.5.1	Analisis Korelasi	24
3.5.2	Andaian Analisis Korelasi	24
3.5.3	Analisis Regresi Linear Berganda	25
3.5.4	Andaian Analisis Regresi Linear Berganda	26
3.6	Teknik Pengujian	27
3.6.1	Ujian Kenormalan	27
a.	Kolmogorov Smirnov	27
b.	Shapiro-Wilks	28
3.6.2	Plot Serakan	28
3.6.3	Korelasi <i>Pearson</i> dan <i>Spearman</i>	30
3.6.4	Model Regresi Linear Berganda	31
a.	Pemilihan pembolehubah tak bersandar	32
b.	Penganggar kuasa dua terkecil	34
c.	Pengujian hipotesis dan statistik ujian	36
d.	Multikolineariti	37
e.	Kriteria Model Terbaik	38
3.7	Perisian Komputer	39
BAB 4	KEPUTUSAN DAN ANALISIS DATA	40
4.1	Pengenalan	40
4.2	Pengujian Andaian-andaian	41
4.2.1	Kenormalan	41
4.2.2	Kelinearan dan Homoskedastisiti	42
4.3	Analisis Korelasi	44
4.4	Analisis Regresi	46
4.4.1	Pemilihan Bentuk Model	46
4.4.2	Model Regresi Terbaik	50
4.4.3	Pengujian Andaian-andaian	52
a.	Kenormalan	53
b.	Kelinearan dan Homoskedastisiti	54



4.4.4	Multikolariti	55
BAB 5	PERBINCANGAN	59
5.1	Pengenalan	59
5.2	Data	59
5.3	Perbincangan Hasil Analisis	60
5.4	Perbincangan Kajian Lepas	62
5.5	Masalah Kajian	63
BAB 6	KESIMPULAN DAN CADANGAN	64
6.1	Kesimpulan	64
6.2	Cadangan	66
	RUJUKAN	68
	LAMPIRAN	73



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
4.1	Ujian kenormalan <i>Kolmogorov-Smirnov</i>	42
4.2	Pekali korelasi <i>Pearson</i>	45
4.3	Pekali penentuan dan pekali penentuan terlaras	47
4.4	Jadual ANOVA	50
4.5	Pengiraan kriteria model terbaik	52
4.6	Pekali korelasi TA dan TK	56
4.7	Pekali penentuan dan VIF	57
6.1	Pekali korelasi, pekali penentuan dan pekali penentuan terlaras	65
6.2	Pengiraan kriteria model terbaik	66



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
3.1	Korelasi positif	29
3.2	Korelasi negatif	29
3.3	Tiada korelasi	29
4.8	Plot serakan bagi JP dengan TA	43
4.9	Plot serakan bagi JP dengan TK	43
4.10	Plot P-P bagai ralat regresi piawai	53
4.11	Plot serakan reja bagi JP	54
4.12	Plot serakan TA dengan TK	55



SENARAI SIMBOL

X	Pembolehubah tak bersandar dalam model regresi
Y	Pembolehubah bersandar dalam model regresi
X'	Min pembolehubah X dalam sampel
β	Parameter dalam model regresi
$\hat{\beta}$	Penganggar dalam model regresi
$E(\hat{\beta})$	Nilai jangkaan penganggar
$Var(\hat{\beta})$	Varians penganggar
r	Pekali korelasi
μ_i	Ralat Y dalam populasi
σ^2	Varians dalam populasi
F	Statistik F
F^*	Nilai kritikal statistik F
ESS	<i>Explained Sum of Squares</i> iaitu jumlah kuasa dua variasi Y yang disebabkan oleh X
RSS	<i>Residual Sum of Squares</i> iaitu jumlah kuasa dua variasi Y yang tidak disebabkan oleh X
df	<i>Degrees of freedom</i> iaitu darjah kebebasan
R^2	Pekali penentuan
R^2_{adj}	Pekali penentuan terlaras
VIF	<i>Variance Inflation Factors</i>



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Industri insurans di Malaysia dikawal oleh Akta Insurans 1996 yang telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 1997. Akta ini dilengkapi dengan Peraturan-Peraturan Insurans 1996 (Peraturan- Peraturan) yang menetapkan butir-butir terperinci keperluan mandatori yang terkandung dalam peruntukan tertentu Akta. Selain itu, Akta memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menentukan perkara yang selaras dengan peruntukan Akta (Laporan Tahunan Insurans, 2004).

Industri insurans telah mengekalkan kadar pertumbuhan tinggi pada tahun 2004. Permintaan yang tinggi terhadap insurans telah mengekalkan pertumbuhan keseluruhan pada tahap dua angka (Laporan Tahunan Insurans, 2004). Perkembangan ini dengan nyata telah mengukuhkan prospek pertumbuhan yang lebih seimbang dan mantap dalam industri serta telah memperbaiki kemudahan perkhidmatan untuk pengguna dari segi akses serta pilihan produk dan pembekal perkhidmatan yang lebih pelbagai. Sistem pengawalan dan penyeliaan yang lebih mantap juga telah diwujudkan bagi memperkuatkan lagi perubahan struktur positif yang sedang berlaku dalam industri ini.



Dengan trend yang menjurus ke arah pemusatan kewangan yang berterusan, pelarasan pengawalseliaan juga telah dibuat dengan tujuan khusus untuk menjurus ke arah penyatuan rangka kerja berhemat bagi industri perbankan dan industri insurans. Ini terutamanya bagi aspek kecukupan modal, amalan pengurusan risiko dan penzahiran awam.

1.2 DEFINISI INSURANS

Insurans adalah pemindahan risiko oleh seseorang individu atau sesebuah organisasi yang dikenali sebagai pemegang polisi kepada syarikat insurans (Miller *et al.*, 1976). Sebagai balasan, syarikat insurans menerima pembayaran dalam bentuk premium. Sekiranya pemegang polisi menanggung kerugian, syarikat insurans akan membayar pampasan terhadap kerugian atau kerosakan tersebut. Insurans juga secara amnya lebih dikenali sebagai kaedah mengendalikan beberapa risiko atau kemungkinan kerugian yang dihadapi oleh seseorang manusia (Dinsdale & McMurdie, 1987).

Selain itu, insurans juga boleh diklasifikasikan sebagai satu kaedah memindahkan risiko perseorangan yang wujud kepada insurer yang bersetuju dengan satu bayaran atau lebih dikenali sebagai premium, pada satu tahap yang ditetapkan dan kerugian akan ditanggung oleh insurer (Dinsdale & McMurdie, 1987). Insurer yang dimaksudkan di sini ialah istilah yang dirujuk kepada pihak yang membeli perlindungan yang upaya ditanggung oleh polisi. Manakala istilah insured merujuk kepada pihak yang melibatkan insurans sama ada secara langsung atau melalui ejen atau broker. Pihak yang melibatkan insurans ini dikenal sebagai pencadang, iaitu



sepanjang perundingan dan apabila kontrak berkuat kuasa pencadang ini menjadi insured (Kamaruddin *et al.*, 1995).

Diketahui bahawa tiap-tiap individu berkemungkinan mengalami risiko yang mana hanya risiko tulen yang layak mendapat perlindungan insurans. Risiko yang dinyatakan di sini boleh dikelaskan kepada beberapa bahagian. Antaranya ialah risiko persendirian atau risiko perniagaan kerana ia mudah diselaraskan dengan prinsip asasi insurans. Dengan kata lain, seorang individu berkemungkinan untuk mengalami risiko perlulah mempunyai tanggungan atau perlindungan insurans. Tidak kira sama ada insurans perlindungan diri, harta benda dan sebagainya.

Ia adalah selaras dengan fungsinya sebagai satu alat sosial yang membolehkan risiko yang tidak pasti bagi seseorang individu boleh digabungkan ke dalam beberapa kumpulan yang mana dengan sumbangan dana yang kecil daripada beberapa ahli kumpulan, sesiapa sahaja yang mengalami kerugian, kemalangan atau kecelakaan dapat diberi perlindungan insurans sebagai pampasan daripada risiko yang ditanggung itu.

1.2.1 Fungsi Insurans

Terdapat beberapa fungsi insurans yang mana ia terbahagi kepada fungsi utama, sampingan dan fungsi tidak langsung. Fungsi utama insurans ialah menanggung risiko (Dinsdale & McMurdie, 1987). Insurans dapat menanggung risiko apabila seseorang mengalami kerugian di mana jumlah premium akan ditetapkan mengikut tahap kerugian yang disahkan. Sebagai contoh dalam kes kebakaran, jika tinggi risikonya



maka pengeluaran pembayaran premium terhadap orang yang terlibat juga meningkat dengan syarat-syarat yang tertentu.

Selain itu, fungsi sampingan insurans juga penting. Antaranya ialah insurans dapat merangsang kegiatan perniagaan, menggalakkan kecekapan eksekutif, membantu mencegah kerugian dan dapat membantu menyelesaikan masalah sosial (Dinsdale & McMurdie, 1987). Walau bagaimanapun, terdapat juga fungsi tidak langsung yang mana ia boleh dianggap lebih berfaedah daripada fungsi utama iaitu menggalakkan pelaburan dana tempatan ataupun asing, pengurusan eksport dan penggunaan dana rizab.

Di samping itu, insurans juga dapat memberi kesan ke atas harga insurans di mana ia memberi faedah kepada pengguna awam yang hanya membayar kos premium dalam bentuk harga yang lebih rendah berbanding kos menanggung insurans.

1.3 SEJARAH PERKEMBANGAN INSURANS DI MALAYSIA

Industri insurans mendapat tempat penting dalam dunia globalisasi sekarang. Ia diselaraskan dengan sistem ekonomi di seluruh dunia. Diketahui juga bahawa industri insurans telah menawarkan perkhidmatan insurans sejak bertahun-tahun dahulu. Ia telah menunjukkan kadar pertumbuhan yang positif dari tahun ke tahun walaupun diketahui bahawa industri insurans di Malaysia baru mendapat perhatian di kalangan penduduk Malaysia. Selaras dengan kedudukan kewangan insurer yang kukuh dan sumbangan para pelabur yang banyak melabur ke atas industri ini, perkhidmatan insurans merupakan satu perkhidmatan yang tidak asing lagi di mata masyarakat di



Malaysia sendiri. Di atas faktor-faktor tersebut, industri insurans kini semakin sukar digugat (Laporan Tahunan Insurans, 2004).

Menurut Laporan Tahunan Insurans 2004, industri insurans sebagai ejen keseimbangan sosial semakin bertambah penting dalam ekonomi. Dengan tahap kesedaran risiko yang semakin meningkat di kalangan rakyat Malaysia serta kenaikan paras pendapatan, permintaan terhadap insurans perubatan dan kesihatan serta pelan insurans hayat, masih kukuh. Dalam keadaan yang lebih kompetitif pada masa itu, cabaran bagi industri insurans adalah keupayaan untuk menyediakan produk dan perkhidmatan yang sesuai kepada pengguna, yang dapat memenuhi objektif khusus perlindungan, tabungan dan pemeliharaan harta mereka dengan berkesan.

Berdasarkan ini, langkah tambahan diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menggalakkan layanan yang saksama terhadap pengguna. Ini termasuklah langkah yang khusus bertujuan untuk mempertingkatkan manfaat pengguna, memperbaiki penzahiran produk dan memperkukuhkan mekanisme kawalan dalaman penanggung insurans bagi mengurangkan amalan salah jual (Laporan Tahunan Insurans, 2004).

Bagi menyokong agenda ekonomi dan sosial yang lebih luas, industri dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan dan organisasi bukan kerajaan terus meneroka mekanisme bagi membolehkan perkhidmatan dan produk insurans diberikan dengan mudah dan cekap. Ini bagi memenuhi keperluan segmen penduduk dan ekonomi yang dikenal pasti, termasuk sektor pertanian dan dalam bidang tabungan persaraan. Bank Negara Malaysia telah menjalankan beberapa langkah bagi mempertingkatkan



produktiviti dan kelicinan perjalanan aktiviti insurans sepanjang tahun tersebut. Pemantauan dan pengawasan aktiviti insurans serantau telah dipertingkatkan melalui perkongsian data kewangan berhubung industri insurans di negara individu, di samping perjanjian oleh pengawal selia ASEAN untuk mengendalikan kaji selidik berkala atas kedua-dua risiko industri dan trend utama dalam negara masing-masing.

Walaupun industri menghadapi cabaran yang besar sejak beberapa tahun kebelakangan ini ekoran landskap yang kompetitif dan berubah-ubah, pasaran yang berkitar dan volatiliti dalam pasaran kewangan, kepelbagaian dan kekukuhan industri insurans kini mencerminkan disiplin kewangan yang bertambah baik dalam industri dan ketangkasan untuk membuat penyesuaian dalam menangani cabaran yang dihadapi. Ini merupakan hasil daripada kesan kombinasi langkah dasar dan tindak balas industri yang positif.

1.4 SEJARAH PERKEMBANGAN TAKAFUL DI MALAYSIA

Sistem kewangan Islam telah berkembang dan semakin meningkat dari hari ke hari. Ia terbahagi kepada dua cabang iaitu sistem perbankan Islam dan sistem insurans Islam atau lebih dikenali sebagai Takaful (Othman Yong, 1993). Seperti yang kita ketahui, konsep Takaful adalah setara dengan konsep insurans konvensional di mana pada asasnya kerugian, kemalangan dan juga risiko yang bakal ditanggung dapat dibayar kembali melalui sistem insurans sama ada konvensional atau Takaful.

Walau bagaimanapun, Takaful adalah satu alternatif lain daripada insurans konvensional di mana takaful lebih merujuk kepada sistem syariah Islam. Dengan kata



lain, ia berdasarkan satu konsep perpaduan sosial, kerjasama dan saling melindungi antara satu sama lain. Ia adalah satu gabungan kumpulan yang bersetuju bekerjasama untuk menanggung kerugian yang bakal menimpa salah seorang daripada kumpulan tersebut. Kerugian tersebut akan di ganti dengan derma atau sumbangan yang dikumpulkan dan diberikan kepada sesiapa yang mengalami kerugian.

Takaful juga bukanlah satu konsep baru yang perlu diperkenalkan. Malahan, perniagaan Takaful telah membuktikan bahawa ia juga boleh meningkat dalam tempoh dua dekad ini. Takaful mengalami peningkatan sebanyak 10 hingga 20 peratus berbanding dengan purata peningkatan insurans konvensional iaitu lima peratus (5%). Syarikat Takaful telah wujud di Asia Timur, Iran, Turki, Sudan dan juga di sesetengah negara bukan Islam. Terdapat lebih daripada 60 buah syarikat yang menawarkan Takaful di 23 buah negara di serata dunia.

Perkembangan industri Takaful di Malaysia pula bersedia menghadapi sektor-sektor ekonomi untuk jangka masa yang pendek atau panjang. Satu persidangan negara-negara D-8 telah diadakan di Kuala Lumpur pada November 2002 yang bertajuk "The Emergence of Takaful in the Wake of Globalization". Ini telah mewujudkan satu suasana yang mana industri Takaful di Malaysia bukanlah sesuatu yang baru (Laporan Ekonomi dan Belanjawan, 2002).

Kebanyakan perkhidmatan Takaful ada ditawarkan dalam sistem perbankan dan kewangan Islam di Malaysia di mana industri Takaful ini dikawal oleh Akta Takaful 1984, seksyen 8 (5)(b). Akta tersebut menyatakan bahawa terdapatnya dalam artikel persatuan pengendali Takaful yang berkenaan peruntukan bagi penubuhan



Majlis Pengawasan Syariah untuk menasihati pengendalian tentang perniagaan Takafulnya untuk memastikan yang ia tidak terlibat dalam apa-apa unsur yang tidak diluluskan.

Di Malaysia, industri takaful diwakili oleh Syarikat Takaful Malaysia Berhad, Takaful Nasional Sendirian Berhad dan Syarikat Takaful Ikhlas Sendirian Berhad. Industri takaful dikatakan terus mengekalkan kadar pertumbuhan dengan catatan peningkatan dua angka yang lebih tinggi. Perniagaan baru takaful keluarga meningkat dengan mendadak sebanyak 370.9 peratus kepada RM1.32 bilion, terutamanya berpunca dari skim anuiti untuk pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Caruman kasar perniagaan takaful am berkembang 28.7 peratus dengan jumlah aset dana takaful dan dana pemegang saham meningkat ketara sebanyak 66.8 peratus kepada RM2.19 bilion pada akhir Jun 2001. Sebahagian besar aset takaful dipegang dalam bentuk tunai dan deposit untuk merangkumi 29.5 peratus dari jumlah aset, diikuti pelaburan sekuriti korporat sebanyak 16.5 peratus (Laporan Ekonomi dan Belanjawan, 2002).

Menurut kajian Fakulti Sains Matematik Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dari tahun 2005 hingga 2007, lebih 60% pasaran perniagaan dikendalikan oleh Takaful. Ia dikatakan sebagai pengendali perniagaan terbesar di Malaysia. Ia juga mempunyai aset dan dana terkumpul sebanyak RM15Billion. Terdapat 14 cawangan Takaful telah beroperasi aktif di setiap negeri. Sehubungan dengan itu, kerajaan Malaysia telah melancarkan suatu inisiatif yang dikenali sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (*Malaysia International Islamic Financial Centre* atau MIFC). Inisiatif MIFC ini diambil secara khususnya melalui usaha secara kolektif



Bank Negara Malaysia bersama-sama dengan penyertaan industri yang mewakili sektor Takaful di Malaysia.

Tambahan pula, insentif ini adalah terpakai bagi bank-bank Islam dan pengendali takaful yang dilesenkan masing-masing di bawah Akta Bank Islam dan Akta Takaful untuk beroperasi dalam sistem kewangan Islam. Bank Negara Malaysia juga mengeluarkan pendaftaran bersyarat baru di bawah Akta Takaful kepada penanggung insurans yang layak untuk menjalankan pelbagai perniagaan takaful dalam mata wang antarabangsa. Layanan cukai yang sama akan diberikan kepada entiti ini seperti yang diberikan kepada bank-bank Islam. Entiti baru ini akan digelar Pengendali Takaful Antarabangsa.

1.4.1 Definisi Takaful

Takaful adalah satu perkataan yang berasal dari perkataan Arab 'Al-Kafala iaitu bermaksud saling jamin menjamin. Dari segi tafsiran Syarak ia adalah pakatan satu kumpulan untuk saling jamin menjamin dan bantu membantu antara satu sama lain ketika para peserta kumpulan tersebut ditimpa sesuatu musibah (*An Introduction to Takaful: An Alternative to Insurance*, 2003).

1.4.2 Konsep Takaful

Konsep insurans takaful iaitu golongan ramai yang bernasib baik membantu golongan yang tidak bernasib baik merupakan satu konsep yang diiktiraf oleh Islam. Di samping itu, ia juga menggunakan pentafsiran melalui konsep Tabarru'at yang merupakan



perkataan Arab yang bermaksud menderma secara ikhlas. Dalam konteks operasi Takaful, setiap peserta yang ingin mendapatkan perlindungan Takaful mestilah hadir dengan niat yang ikhlas ketika menyumbang (At-tabarru'at) bagi membantu sesama para peserta yang lain jika mereka menghadapi musibah. Dalam erti kata lain yang lebih tepat, semua peserta tersebut bersetuju untuk saling membantu di kalangan mereka ketika ditimpa kemalangan.

Dalam industri Takaful, At-tabarru'at yang diperkenalkan ialah Al-tabarru'at yang bersyarat. Bersyarat adalah di mana setiap peserta yang ingin menyertai Takaful mestilah menderma sesuai dengan risiko yang dibawanya. Syarikat terpaksa menetapkan kadar Tabarru'at kerana ingin memastikan Tabarru'at yang disertai oleh semua peserta tidak terjejas bagi memberi keadilan kepada semua pihak, justeru itu jika seseorang peserta membawa risiko yang besar maka kadar tabarru'at yang mesti disumbangkan mestilah sepadan dengan risiko tersebut.

1.4.3 Kelebihan Takaful

Antara kelebihan menyertai dan membeli insurans takaful ialah :

- i. Berdasarkan sistem syariah Islam
- ii. Untung adalah milik bersama antara syarikat pengendali dan peserta di mana ia berdasarkan nisbah Mudharabah iaitu 50:50 atau 80:20 di antara peserta dan syarikat.
- iii. Sumbangan yang ditabungkan adalah kepunyaan peserta
- iv. Pelaburan saham yang halal sahaja



- v. Jika berhenti selepas 1 tahun, peserta mempunyai nilai serahan
- vi. Bonus diberi pada setiap tahun dan boleh dikeluarkan
- vii. Boleh mengeluarkan duit tanpa faedah
- viii. Zakat perniagaan dibayar

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah :

- i. menganalisis dan mengkaji hubungan antara permohonan Insurans Takaful berdasarkan produk-produk yang ditawarkan oleh syarikat insurans takaful.
- ii. menghasilkan model regresi linear berganda yang menunjukkan hubungan antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah tak bersandar.

1.6 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini tertumpu pada selang masa dari tahun 2000 hingga tahun 2005 iaitu enam tahun kebelakangan ini. Data yang diperoleh adalah berdasarkan jumlah permohonan Insurans Takaful berdasarkan produk-produk yang ditawarkan oleh syarikat insurans takaful cawangan Kota Kinabalu di Sabah.



RUJUKAN

- An Introduction to Takaful: An Alternative to Insurance. 2003. *Islamic Economics*.
<http://www.islamic-world.net>.
- Anoop Rai. 1996. Cost efficiency of international insurance firms. *Journal of Financial Services Research* **10**, 213-233.
- Antonius, R. 2003. *Interpreting Quantitative Data with SPSS*. Sage Publications, New Delhi.
- Beck, T. & Webb, I. 2003. Economic, demographic and institutional determinants of life insurance consumption across countries. *The World Bank Economic Review* **17**, 51-88.
- Browne, M. J. & Kim, K. 1993. An international analysis of life insurance demand. *Journal of Risk and Insurance* **60**, 616-634.
- Carlson, L. W., Newbold, P., & Thorne, B. 2003. *Statistic for Business and Economics*. Ed. Ke-5. Prentice-Hall Inc, New Jersey.
- Chua Yee Yen & Osman Rani. 1987. *Kaedah dan Model Ekonometrik*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Coakes, J. S. & Steed, G. L. 2003. *SPSS: Analysis Without Anguish Version 11.0 For Windows*. John-Wiley & Sons, Australia.
- Cossette, H. & Luong, A. 2003. Generalized least squares estimators for covariance parameters for credibility regression models with moving average errors. *Journal of Insurance: Mathematics and Economics* **32**, 281-293.
- Dinsdale, W. A. & McMurdie, D. C. 1987. *Elements of Insurance*. Ed. Ke-5. Pitman Publishing, London.



Electronic Textbook Statsoft. 1984. *Correlation Analysis*. <http://www.statsoft.com>.

Feldman, R., Finch, M., Dowd, B. & Cassou, S. 1989. The demand for employment based health insurance Plans. *Journal of Human Resources* **24** (1), 115–142.

Fischer, S. 1973. A life cycle model of life insurance purchases. *International Economic Review* **14**, 132-152.

Fruend, J. E. 1979. *Modern Elementary Statistics*. Ed ke-5. Prentice-Hall Inc, New Jersey.

Hakkansson, N. H. 1969. Optimal investment and consumption strategies under risk, an uncertain lifetime and insurance. *International Economic Review* (10), 443-466.

Hassan Haji Ali. 2002. *Ekonometrik Asas*. Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.

Hwang, T. & Gao, S. 2003. The determinants of the demand for life insurance in an emerging economy: The case of China. *Managerial Finance* (29), 82-97.

Kamaruddin Shariff, Yahaya Besah & Zuriah Abdul Rahman (pnys.). 1995. *Kamus Insurans*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Selangor.

Kamus Dwibahasa. 1991. Ed Ke-7. Dewan Bahasa dan Pustaka, Selangor.

Kerlinger, F. N. 1973. *Foundations of Behavioral Research*. Holt, Rinehart and Winston Inc, New York.

Kwon, H. S. & Jones, B. L. 2005. The impact of the determinants of mortality on life insurance and annuities. *Journal of Insurance: Mathematics and Economics*, 1-18



- Laporan Ekonomi dan Belanjawan*. 2002. Utusan Malaysia Online.
<http://www.utusan-online.com.my>
- Laporan Tahunan Insurans*, 2004. Bank Negara Malaysia. <http://www.bnm.gov.my>.
- Lavine, A. 1993. *Your Life Insurance Options*. John Wiley & Sons Inc, United States of America.
- Lenten, J. A. & Rulli, D. N. 2006. A time series analysis of the demand for life insurance companies in Australia: An unobserved companies approach. *Australian Journal of Management*, 41-66.
- Lim, C. C. & Habermann, S. 2004. Modelling life insurance demand from a macroeconomic perspective: The Malaysian case research paper. *The 8th International Congress on Insurance, Mathematics and Economics*, Rome.
- Mantis, G. & Farmer, R. 1968. Demand for life insurance. *Journal of Risk and Insurance* 35, 247-256.
- Meier, V. 1998. Long-term care insurance and life insurance demand. *The Geneva Papers on Risks and Insurance Theory* (23), 49-61.
- Miller, J. S., Riegel, R. & Williams, C. A. 1976. *Prinsip dan Amali Insurans: Harta dan Liabiliti*. Terjemahan. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mokhtar Abdullah. 1992. *Pengenalan Kaedah Ekonometrik*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mokhtar Abdullah. 1994. *Analisis Regresi*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Othman Yong. 1993. *Pasaran dan Institusi Kewangan di Malaysia: Teori dan Amalan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.



- Pardoe, K. 1988. *Quantitative Methods*. Billing & Sons Ltd, Worcester.
- Ramanathan, R. 1995. *Introductory Economics with Applications*. Ed. Ke-3. Harcourt Brace, Amerika Syarikat.
- Ramli Mohamad. 2002. *E-Kamus Versi 5.01*. <http://www.e-kamus.com.my>
- Rohana Yusof. 2004. *Penyelidikan Sains Sosial*. Ed Ke-2. Pts Publications & Distributors Sdn. Bhd, Pahang.
- Royalty, A. B. & Abraham, J. M. 2005. Health insurance and labor market outcomes: Joint decision making within households. *Journal for Public Economics*, 1-17.
- Royalty, A. B. & Hagens, J. 2003. The effect of premiums on the decision to participate in health insurance and other fringe benefits offered by the employer: Evidence from the real world experiment. *Journal of Health Economics* 24, 95-112.
- Shariff A. K. Omang, Harun Abdullah, Mariam Abd. Latip, Markus Atong & Baba Musta. 2006. *Panduan Penulisan Disertasi Sekolah Sains dan Teknologi*. Ed. Ke-3. Universiti Malaysia Sabah, Sabah.
- Syed Arabi Idid. 1998. *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Ed. Ke-3. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kelang.
- Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. <http://www.takaful-ikhlas.com.my>.
- Takaful Malaysia Berhad. <http://www.takafulmalaysia.com.my>.
- Takaful Nasional Sdn. Bhd. <http://www.takafulnasional.com.my>.



Universiti Teknologi Malaysia, Department of Mathematics Faculty of Science. 2007.
Industrial Survey Research & Data Analysis Group (ISDAG).
<http://www.isdag.fs.utm.my/database/sharing.html>.

Wang, S. 1995. Insurance pricing and increased limits ratemaking by proportional hazards transforms. *Insurance: Mathematics and Economics* 17, 43–54.

